



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

JAWATAN KOSONG

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1. Pembantu Awam Gred H11

1. Jawatan	Pembantu Awam Gred H11
Taraf Jawatan	: Tetap
Kumpulan Perkhidmatan	: Kumpulan Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kemahiran
Jadual Gaji (JGGM)	: RM1218.00 – RM2,939.00
Syarat Lantikan	: Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1218.00).
Syarat Kelayakan Bahasa Melayu	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
Syarat Kelayakan Tambahan	: Calon yang memiliki kelayakan PT3/PMR seperti berikut adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan PT3/PMR seperti berikut: (a) Mendapat sekurang-kurangnya lulus (Gred E bagi PT3/Gred D bagi PMR) dalam empat (4) mata pelajaran lain termasuk Matematik.

Calon-calon yang **tidak memiliki** keputusan seperti di atas adalah tidak layak dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelulusan PT3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Penempatan Bertugas : **Pejabat FAMA Negeri Johor**

SYARAT-SYARAT UMUM

Kewarganegaraan	: Warganegara Malaysia.
Umur	: Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
Tempoh percubaan	: 1 - 3 Tahun.
Peperiksaan / Program Transformasi Minda	: Pegawai dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda (PTM).

CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam borang **FAMA 1-08p**.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil PT3/PMR/ SRP dan Sijil-sijil persekolahan **yang telah disahkan** mengikut kelayakan yang disyaratkan.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing yang disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) terakhir.
- (d) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARikh TUTUP

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**PENGARAH FAMA NEGERI
PEJABAT FAMA NEGERI JOHOR
LOT 6313, JALAN TARUKA
OFF JALAN DATIN HALIMAH
PETI SURAT 25
80700 JOHOR BAHRU
JOHOR**

Sebelum atau pada : **26 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**

CATATAN AM

1. Calon-calon diingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.
3. Sila gunakan satu (1) borang untuk jawatan yang dipohon.

SEMASA MENGHADIRI TEMUDUGA

Calon dikehendaki membawa bersama dokumen **ASAL** seperti berikut :

- Kad Pengenalan;
- Lesen Memandu dan GDL (**Untuk Jawatan Pemandu Kenderaan Sahaja**)
- Sijil Kelahiran;
- Sijil Kelulusan Persekolahan PMR/PT3/SPM/SPM (V);
- Ijazah / Diploma dan Transkrip / Surat Pengesahan Kelulusan Peperiksaan Akhir daripada pusat pengajian;
- Siji-sijil Persekolahan
- Lain-lain kelayakan yang disyaratkan